

Kefahaman lemah punca ummah mundur

BH 25 MAR 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kefahaman yang lemah terhadap ajaran Islam sebenar menyebabkan umat Islam menjadi lemah dan mundur.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu diburukkan lagi dengan pendapat bahawa ilmu selain daripada agama adalah sekular dan tidak perlu dipelajari, menyebabkan hampir semua umat Islam ketinggalan zaman, lemah dan tertindas.

Menurutnya, kefahaman yang berbeza mengenai Islam pula menjadikan umatnya terbahagi kepada mazhab, kumpulan dan tarikat tertentu hingga membawa perpecahan dan permusuhan sesama sendiri.

"Perkembangan itu menyebabkan umat dan negara Islam dijajah selama beberapa dekad pada awal kurun ke-20. Jika tiada tokoh Islam yang berjaya menghidupkan semula semangat Islam, perkara itu

mungkin berkekalan hingga sekarang.

"Malangnya, semangat ke-Islaman sahaja tidak mencukupi. Tidak kurang pentingnya ialah pengetahuan luas serta ilmu moden dan teknologi," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar di perasmian bangunan baru Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan

LIHAT MUKA 2

Kefahaman lemah punca ummah mundur

BH 25 MAR 1994

DARI MUKA 1

melancarkan 12 buku terbaru yang dihasilkan oleh Ikim, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang juga Pengerusi Ikim dan Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim, diplomat asing serta cendekiawan beberapa negara.

Semalam, satu Persidangan Mengenai Islam dan Toleransi diadakan di tempat yang sama bagi membincangkan secara khusus pendekatan Islam terhadap konsep dan pelaksanaan toleransi beragama dalam konteks masyarakat berbilang kaum serta agama di negara ini.

Selepas menyampaikan ucapan dasar itu, Dr Mahathir berdialog dengan peserta seminar itu yang mengemukakan pelbagai persoalan, termasuk usaha menjambatani hubungan baik antara masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini.

Perdana Menteri berkata, apa yang lebih berbahaya ialah ada pihak se-

perti ulama dan guru agama yang mengajar agama bagi tujuan mengekalkan pengaruh terhadap pihak yang mempelajari agama daripada mereka.

"Inilah yang menyebabkan keganasan dan kebengisan kerap kali dilakukannya oleh kumpulan ekstrimis Islam, terhadap orang Islam lain atau kerajaan negara Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, kefahaman salah juga menyebabkan hubungan orang Islam dan bukan Islam jadi tegang.

"Permusuhan dan peperangan kerap berlaku. Yang sedihnya ialah kerana ketidakfahaman orang bukan Islam terhadap agama dan umat Islam, banyak orang Islam dan negara Islam tertekan dan ditindas," katanya.

Beliau berkata, pandangan serong orang bukan Islam terhadap agama dan orang Islam sering berlaku sehingga apabila mereka dibunuh di Bosnia dan Israel, ia dipandang

sebagai perkara ringan.

"Sebaliknya, apabila orang Islam tidak dapat membendung perasaan lalu bertindak balas mereka dicap sebagai pengganas. Hanya orang Islam sahaja boleh dicap sebagai pengganas. Orang lain yang membunuh orang Islam bukan pengganas.

"Sebab itu apabila seorang Yahudi Israel menembak mati 50 orang Islam sedang bersembahyang dan mence-derakan berpuluh-puluh lagi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak mengecamnya sehingga selepas beberapa minggu," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua itu berpunca daripada salah faham orang bukan Islam mengenai Islam, walaupun kadang-kadang orang Islam sendiri jadi puncanya.

"Jika perhubungan di antara orang Islam dan bukan Islam hendak dibaiki, amatlah penting asas Islam difahami oleh bukan Islam," katanya.

Perdana Menteri mene-

gaskan betapa perlunya umat Islam berbaik-baik dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka, termasuk tidak memaksa mereka untuk beriman kepada Islam kerana ia sendiri dilarang oleh Rasulullah.

"Berbaik-baik tentulah memerlukan toleransi terhadap adat resam, budaya dan amalan penganut agama lain," katanya.

Beliau berkata, di pihak orang bukan Islam pula jika mereka tidak dipengaruhi oleh sejarah permusuhan Islam dan bukan Islam; pandangan serong pihak tertentu serta memahami Islam sebagai agama yang bertoleransi, mereka tidak akan mempunyai perasaan syak terhadap orang Islam.

Sehubungan itu, beliau berkata Ikim yang ditubuhkan oleh kerajaan bertujuan membantu ulama dan cendekiawan Islam mengenal pasti kedudukan dan kefalaman orang bukan Islam terhadap agama serta umat Islam di negara ini.